

Abu Hassan minta Dr. Mahathir tidak melantiknya ahli MT

UM - 1 JUL 2000

KUALA LUMPUR 30 Jun — Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata keputusan tidak melantiknya sebagai ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO kali ini adalah atas kehendak dirinya sendiri.

Ini kerana katanya beliau ingin memberi peluang kepada muka-muka baru termasuk dari kalangan Menteri Besar dan Ketua Menteri menduduki kerusi MT.

“Saya telah menawarkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya tidak melantik saya sebagai ahli MT UMNO bagi memberi peluang kepada muka-muka baru,” katanya sebagai mengulas pelantikan ahli MT yang diumumkan hari ini.

Abu Hassan yang dilantik semula sebagai pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor juga melahirkan keyakinan dengan barisan MT UMNO yang terdiri daripada muka baru dan lama itu.

Katanya, barisan itu akan memperkukuh dan menguatkan parti untuk bekerja lebih keras lagi.

Menjawab satu pertanyaan mengenai pelantikan Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Abu Hassan berkata, ia akan memperkukuhkan lagi kekuatan UMNO Selangor.

Abu Hassan berkata, sebelum ini beliau adalah Timbalan Pengerusi ketika Muhammad menjadi Pengerusi Badan Perhubungan UMNO.

“Saya telah berkhidmat di bawah Muhammad dengan taat setia dan saya percaya beliau (Muhammad) dapat memberi khidmat yang sama untuk memperkukuhkan lagi UMNO Selangor.

“Saya dan Muhammad dapat bekerja sebagai satu pasukan

yang kuat untuk kepentingan UMNO,” katanya.

Di Kedah, Menteri Besar, Datuk Syed Razak pula berterima kasih kepada presiden parti kerana melantik semula beliau sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah.

Sehubungan itu, beliau berjanji akan bekerja kuat untuk menentukan masa depan parti supaya lebih cemerlang dan berjaya mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pucuk pimpinan.

Beliau menganggap pelantikan tersebut sebagai amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin supaya UMNO terus dihormati.

Di Kuala Terengganu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Idris Jusoh menyifatkan pelantikannya sebagai anggota MT merupakan satu pengiktirafan kepada UMNO negeri ini.

Beliau seterusnya melahirkan rasa syukur atas pelantikan itu malah turut percaya bahawa ia telah memberi semangat baru khusus kepada UMNO di Terengganu.

“Pelantikan ini juga dianggap satu kepercayaan dan saya berjanji akan memikul tanggungjawab yang diberi ini dengan sebaik-baiknya.

“Malah tugas yang dipertanggungjawabkan ini perlu dilaksanakan dengan sebaiknya terutama untuk kepentingan dan perjuangan UMNO di Terengganu,” katanya ketika dihubungi di rumahnya di Besut petang ini.

Idris memberitahu, beliau mengetahui mengenai pelantikannya itu setelah diberitahu menerusi panggilan telefon petang ini.

Beliau seterusnya mengharapkan sokongan padu yang berterusan daripada semua pihak khususnya anggota UMNO bagi membantu meneruskan perjuangan parti.

Di Ipoh, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali menyifatkan pelantikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri itu sebagai mengejutkan kerana sebelum ini timbul pelbagai spekulasi mengenainya.

Di samping itu, beliau turut menyambut baik pemilihan bekas Menteri Besar Perak yang

juga Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli Ngah Talib sebagai Timbalan Pengerusi UMNO negeri.

“Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada PM kerana pelantikan ini dan saya akan sedaya upaya mengekalkan perpaduan untuk memastikan kita mencapai kejayaan dan merampas kembali kerusi yang kita kalah pada pilihan raya akan datang.

“Mengenai pemilihan Tan Sri Ramli, saya merasa amat bertuah mendapat timbalan yang berpengalaman dan mengharapkan kerjasama penuh daripada beliau. Bagi orang politik, naik turun adalah perkara biasa,” tegasnya ketika dihubungi di kediamannya di sini, hari ini.

Mengenai pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO (MT), Tajol berkata, ia membuktikan UMNO kini cuba membentuk gandingan muka lama dan baru.

“Apa yang dilakukan PM ialah untuk menyatupadukan ahli-ahli UMNO. Kekalkan yang lama dan dalam waktu yang sama menyuntik orang baru dalam MT.” ujarnya.